

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID
(KOTA TINGGI)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dibuat oleh Bank Negara Malaysia dalam menstabilkan kembali nilai matawang Ringgit Malaysia di dalam pasaran.

JAWAPAN

Penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit yang berlaku baru-baru ini bukanlah suatu kes terpencil dan ianya didorong terutamanya oleh faktor luaran. Mata wang serantau yang lain turut mengalami penyusutan nilai antara 1.1% sehingga 10.1% berbanding dolar AS bagi tempoh September 2014 hingga 5 Mac 2015. Pengukuhan dolar AS ini adalah disebabkan oleh

prospek ekonomi AS yang semakin baik dan kemungkinan kenaikan kadar faedah di AS yang menarik minat pelabur terhadap aset dalam nilai dolar AS. Selain itu, negara-negara pengeksport komoditi, termasuk Malaysia, turut mengalami kesan ekoran kejatuhan harga minyak mentah dunia.

2. Seperti mana-mana sistem kadar pertukaran yang fleksibel, turun naik jangka masa pendek adalah sesuatu yang mungkin berlaku, terutamanya dalam persekitaran global yang tidak menentu. Objektif dasar Kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia adalah untuk memastikan keadaan yang teratur dalam pasaran pertukaran asing ringgit dan mengelakkan turun naik yang ketara dalam kadar pertukaran. Ini adalah penting memandangkan Malaysia merupakan sebuah ekonomi yang sangat terbuka dengan aktiviti perdagangan dan pelaburan antarabangsa yang tinggi.

3. Dalam jangka masa panjang, trend ringgit akan mencerminkan asas-asas ekonomi Malaysia. Oleh itu, Kerajaan sentiasa memastikan pengurusan makroekonomi yang baik bagi menggalakkan asas-asas ekonomi yang kukuh. Selain itu, usaha-usaha yang dilaksanakan untuk

membangunkan dan memperdalamkan pasaran pertukaran asing dalam negeri dari segi saiz dan instrumen juga telah membolehkan peniaga tempatan untuk berlindung daripada terdedah kepada ketidakstabilan kadar pertukaran melalui perlindungan nilai.